

18 SEP 1999

Mahathir-Demonstrasi

MAHATHIR: PERARAKAN, DEMONSTRASI BUKAN CARA KITA

TUARAN, 18 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas golongan pembangkang di negara ini yang lebih cenderung menggunakan perarakan atau demonstrasi bagi mendesak kerajaan melaksanakan sesuatu perkara.

Sambil menegaskan bahawa ia bukanlah cara negara untuk menyelesaikan masalah, beliau berkata, Barisan Nasional (BN) pun mampu mengadakan perarakan lebih besar tetapi ini tidak dilakukan.

"Kita tak buat kerja macam itu, ini bukan cara negara kita... sikit-sikit perarakan, demonstrasi dan rusuhan," katanya pada persidangan berita selepas menyampaikan syarahan perdana pada Konvensyen Pemuda Barisan Nasional di akhir lawatan dua hari beliau di Sabah.

Beliau berkata pembangkang gemar menggunakan taktik demonstrasi dan perarakan.

"Orang macam ini tak layak bertanding dalam pilihan raya, jangan kata nak memerintah," kata beliau.

Beliau diminta mengulas tindakan parti pembangkang menganjurkan perarakan ke istana beberapa negeri hari ini untuk menyerahkan memorandum mendesak penubuhan suruhanjaya bebas bagi menyiasat dakwaan keracunan arsenik bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sementara itu di Shah Alam, kira-kira 3,000 orang penyokong Parti Keadilan Nasional (Keadilan) berkumpul di perkarangan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah mulai 11 pagi ini dan menghantar memorandum tersebut kepada wakil Sultan Selangor di Istana Mestika.

Mereka bersurai kira-kira pukul 3.15 petang selepas orang ramai mendengar ucapan daripada beberapa pemimpin parti pembangkang termasuk seorang dari parti DAP serta beberapa sajak.

Di Kuala Lumpur, tidak ada perarakan kecuali sekumpulan 30 orang yang berhimpun di hadapan Masjid Negara pada pukul 2.30 petang. Mereka bersurai setengah jam kemudian tanpa apa-apa kejadian tidak diingini.

Bagaimanapun, menurut seorang anggota Keadilan, mereka akan menghantar memorandum tersebut kepada Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara esok.

Di Pulau Pinang, lebih 200 anggota parti-parti pembangkang dan pertubuhan bukan kerajaan berhimpun selama sejam mulai 2 petang di Padang Polo bagi menyerahkan memorandum kepada Yang Dipertua Negeri Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir.

Manakala di Alor Setar, memorandum itu diserahkan oleh Pengerusi Perhubungan Keadilan Kedah Datuk Datuk Syeikh Azmi Ahmad kepada Setiausaha Sulit Sultan Kedah Datuk Syed Unan Mashri Syed Abdullah di hadapan pintu masuk Istana Anak Bukit.

Difahamkan bahawa pembangkang dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan juga mengadakan perarakan ke istana di beberapa negeri lain bagi menyerahkan memorandum berkenaan.

-- BERNAMA

TM LAT